



PANDUAN
RINGKAS



Penskoran PSLE dan Penempatan ke Menengah 1

MULAI 2021



Anak anda sedang membuat persiapan untuk PSLE tahun ini? Ketahui 6 perkara tentang PSLE berikut.

Mulai 2021, Skor-T PSLE akan digantikan dengan band penskoran yang lebih luas, dikenali sebagai Peringkat Pencapaian (ALs).

1 Daripada Skor-T kepada ALs

Setiap subjek PSLE akan diskor menggunakan **8 Peringkat Pencapaian (ALs)**, dengan AL1 yang terbaik. Setiap AL akan mencerminkan tahap pencapaian anak anda dalam subjek tersebut, tanpa mengambil kira prestasi rakan-rakannya.

AL	Julat markah
1	≥ 90
2	85-89
3	80-84
4	75-79
5	65-74
6	45-64
7	20-44
8	< 20

Bermula daripada Darjah Lima, anak anda akan menerima keputusan peperiksaan berasaskan sekolah dalam bentuk ALs bagi membantu mereka membiasakan diri dengan sistem penskoran baharu.

2 Pemarkahan bagi subjek-subjek peringkat Asas

Jika anak anda mengambil subjek Asas, subjek tersebut akan diberikan gred AL A hingga AL C.

Bagi tujuan penempatan ke Menengah 1, gred AL A hingga AL C kemudiannya akan diselaraskan dengan peringkat Standard untuk menentukan skor PSLE keseluruhan pelajar seperti yang tertera di bawah.

Gred subjek Asas	Julat markah subjek Asas	Standard AL yang setara
A	75-100	6
B	30-74	7
C	< 30	8

Penyelarasan ini berdasarkan pemberatan pembelajaran dan penilaian subjek-subjek tersebut dan menggambarkan kesediaan pelajar untuk mengakses kurikulum di peringkat menengah.



3 Perkiraan skor PSLE dan penempatan kursus

Skor PSLE anak anda ialah jumlah keempat-empat skor AL bagi subjek-subjek Standard dan Asas mereka. Julat skor PSLE ialah dari **4 hingga 32**. 4 merupakan skor terbaik yang boleh dicapai.

Anak anda akan disalurkan ke aliran Ekspres, Normal (Akademik) atau Normal (Teknikal) berdasarkan skor PSLE mereka. Mereka akan dapat mengambil semua subjek di sekolah menengah di peringkat yang telah ditempatkan.*

Hasil penempatan	Markah PSLE
Ekspres	4-20
Ekspres/ N(A) Pilihan	21-22
N(A)	23-24
N(A)/ N(T) Pilihan	25
N(T)	26-30 <i>termasuk AL 7 atau lebih baik dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Matematik</i>

* Pelajar yang ditempatkan ke kursus N(T) mesti mencapai sekurang-kurangnya AL 7 bagi kedua-dua mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik. Kriteria ini tidak dikenakan bagi kursus menengah yang ain.

4 Kelayakan bagi Pengumpulan Berdasarkan Subjek di sekolah menengah

Pengumpulan berdasarkan subjek (SBB) di sekolah menengah mengiktiraf dan membina kekuatan pelajar dalam subjek tertentu dan menyediakan peluang bagi mereka untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya.

SBB membolehkan pelajar-pelajar N(A) dan N(T) yang layak untuk mengambil subjek yang dipilih pada tahap yang lebih tinggi di Menengah 1 berdasarkan skor AL mereka bagi subjek-subjek tertentu dan bukan skor PSLE keseluruhannya.*

Bagi pelajar yang ditawarkan kursus N(A) atau N(T)	
Gred Subjek Standard/ Asas PSLE	Pilihan untuk mengambil subjek di
AL 5 atau lebih baik bagi subjek di peringkat Standard	Peringkat Ekspres
AL 6 atau lebih baik bagi subjek di peringkat Standard atau AL A bagi subjek Asas	Peringkat N(A)

* Pelajar dalam kursus Ekspres akan mengambil semua subjek di peringkat Ekspres, tanpa mengambil kira skor AL bagi subjek-subjek tertentu semasa PSLE.

Jika anak anda dikecualikan daripada mengambil Bahasa Ibunda, atau sedang mempertimbangkan untuk mengambil Bahasa Ibunda Lanjutan di sekolah menengah, anda boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui laman mikro PSLE-FSBB atau menghubungi pihak sekolah.

Penempatan ke Menengah 1 mulai 2021



5 Apakah yang perlu anda jangkakan bagi penempatan ke Menengah 1?

SEBELUM OKTOBER

Teroka sekolah-sekolah

Ketahui dan buat pertimbangan semasa memilih sekolah di laman Mikro PSLE-FSBB kami.



<https://go.gov.sg/choosing-sec-schools>

AKHIR-NOVEMBER

Terima keputusan PSLE dan tentukan pilihan-pilihan sekolah

Anak anda boleh menentukan sehingga 6 pilihan sekolah yang berbeza, mengikut urutan keutamaan.

AKHIR-DISEMBER

Terima keputusan penempatan sekolah

Keputusan penempatan akan disampaikan melalui sistem S1-Internet MOE, SMS dan melalui sekolah rendah anak anda.

6 Bagaimanakah anak saya akan ditempatkan?

Para pelajar dengan skor PSLE lebih baik akan diberikan keutamaan ke sekolah menengah yang dipilih mereka.

Apabila dua atau lebih pelajar dengan skor PSLE yang sama bersaing bagi tempat terakhir di sesebuah sekolah, pematah seri akan digunakan mengikut aturan berikut untuk menentukan siapa yang bakal mendapat tempat tersebut:

BAHARU
bermula 2021

1. Kerakyatan
2. Urutan pemilihan sekolah
3. Pengundian melalui komputer

Jika tiada lagi tempat kosong di sekolah tersebut, pelajar akan ditempatkan di sekolah lain mengikut urutan pemilihan sekolah mereka. Pelajar yang tidak boleh ditempatkan ke mana-mana sekolah pilihan mereka akan dihantar ke sekolah yang terdekat berdasarkan alamat berdaftar mereka.



Ketahui lebih lanjut tentang bagaimana alat pemutus digunakan

<https://go.gov.sg/s1-posting-2021>
(Lihat 'Menentukan pemilihan sekolah dan pematah seri')



Kunjungi laman mikro PSLE-FSBB kami untuk maklumat lanjut dan senarai soalan lazim yang komprehensif

<https://go.gov.sg/pslefsbb>